



UNIT PEMBANGUNAN
HOSPITAL TENGGU AMPUAN AFZAN
JALAN TANAH PUTIH, 25100 KUANTAN, PAHANG
TEL : 09-5572031 / 09-5572239
E-mel : htaa.pembangunan@moh.gov.my

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar di Negeri Pahang dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), Memegang Perakuan Pendaftaran, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan, Sijil Taraf Bumiputera yang masih sah di bawah bidang berkaitan dan wajib memiliki Sijil Pematuhan Cukai (TCC) Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi tawaran berikut:-

BIL	NO. SEBUT HARGA	TAJUK/PERIHAL SEBUT HARGA	PENDAFTARAN/ KOD BIDANG/ KELAS PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN	TAKLIMAT SEBUT HARGA	TARIKH TUTUP TAWARAN
1.	Q/06/PEM/HTAA/KTN : 2026	KERJA-KERJA NAIK TARAF BILIK POST MORTEM, PEJABAT DAN RUANGAN TANDAS SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DALAM BANGUNAN MORTUARI, HOSPITAL TENGGU AMPUAN AFZAN, KUANTAN, PAHANG	BERDAFTAR DENGAN CIDB GRED G2 KATEGORI - B PENGKHUSUSAN : B28 DAN BERDAFTAR DENGAN PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR	-	24 APRIL 2026 (JUMAAT) JAM 3.00 PETANG LOKASI: JABATAN PERUBATAN FORENSIK (BAHAGIAN PATOLOGI FORENSIK / MORTUARI), HTAA KUANTAN	30 APRIL 2026 (KHAMIS) JAM 12.00 TENGAH HARI


2. Sesi taklimat dan lawatan tapak akan diadakan pada hari **JUMAAT, 24 APRIL 2026**, jam 3.00 petang. Kontraktor dikehendaki berkumpul di **Jabatan Perubatan Forensik (Bahagian Patologi Forensik / Mortuari)**, HTAA Kuantan pada tarikh dan masa yang ditetapkan.

3. Borang sebut harga akan dikeluarkan kepada penama sijil @ kontraktor yang sah sahaja pada hari taklimat. Bagi maksud ini, kontraktor-kontraktor hendaklah membawa **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK) asal, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) asal daripada CIDB, Sijil Taraf Bumiputera (STB) asal daripada PKK dan Sijil Pematuhan Cukai (TCC) daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)** termasuk mempamerkan Kad Pengenalan Kontraktor. Kegagalan tuan / puan mengemukakan dokumen tersebut boleh menyebabkan borang sebut harga tidak akan dikeluarkan. **Kontraktor juga TIDAK BOLEH** mewakili kepada sesiapa untuk menghadiri sesi lawatan tapak ini. **Borang sebut harga tidak akan dikeluarkan kepada Wakil Kontraktor.**

4. Borang sebut harga yang telah diisi lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **Bangunan Pentadbiran, Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan** tidak lewat dari jam 12.00 Tengah hari, bertarikh **30 APRIL 2026 (KHAMIS)**. Sebut harga yang dihantar lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

Pengarah Hospital
Hospital Tengku Ampuan Afzan
Kuantan, Pahang

Tarikh Iklan : 17 April 2026


DR. MARIAM BINTI NAWAWI
No. MPN : 35931
Timbalan Pengarah (Perubatan 1)
Hospital Tengku Ampuan Afzan
Kuantan